

**Transformasi Malaysia Satu Proses Evolusi - Muhyiddin
Bernama
7 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yasin berkata transformasi yang kini dilalui Malaysia adalah satu proses evolusi di mana segala usaha yang dilaksanakan hanya akan membuahkan hasil pada masa akan datang.

"Oleh itu, ukuran kejayaan kita bukan banyak mana usaha yang kita lakukan sekarang, tetapi banyak mana hasil yang akan diperoleh pada masa depan.

"Sudah pasti, kita tidak boleh mengharapkan kejayaan dalam masa singkat, tetapi saya percaya jika kita bekerja keras dan bijak, dan bekerjasama sebagai sebuah negara, kejayaan pasti akan dicapai," katanya pada majlis makan malam ulang tahun ke-35 American Universities Alumni of Malaysia (AUAM), di sini.

Beliau berkata dalam memacu transformasi, negara akan terus berhadapan dengan cabaran ke arah mencapai keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan sosial, menghadapi era globalisasi dan identiti nasional serta pemodenan dan memulihara warisan budaya.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata dalam menghadapi cabaran itu, kerajaan terus berusaha untuk keseimbangan pendidikan holistik berdasarkan semangat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

Turut hadir pada majlis itu presiden AUAM Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman.

Muhyiddin berkata kerajaan sedar bahawa meningkatkan kualiti pendidikan adalah satu proses yang berterusan.

Beliau berkata negara tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian pada masa lepas kerana apa yang perlu ialah menyediakan generasi muda untuk menghadapi cabaran baru pada masa depan.

"Ini adalah sebab kenapa saya baru-baru ini mengumumkan kajian semula yang menyeluruh sistem pendidikan kita. Kita perlu melihat semula pelbagai aspek pendidikan kita dan membuat penambahbaikan.

"Kita mahu sistem pendidikan kita menghasilkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan, yang akan memacu negara ke fasa pembangunan ekonomi berikutnya," kata Muhyiddin.

Dalam merealisasikan matlamat itu, beliau berkata terdapat keperluan untuk meningkatkan kekuatan sedia ada negara dan belajar daripada sistem terbaik di dunia untuk mendapatkan hasil yang terbaik. "Saya percaya dengan sokongan lebih 400,000 guru, lima juta pelajar dan 28 juta rakyat Malaysia, kita akan meningkatkan taraf pendidikan kita dan menjadikannya setanding, jika tidak lebih baik daripada sistem pendidikan yang paling baik di dunia hari ini," kata timbalan perdana menteri.

Pada majlis itu, Muhyiddin menerima anugerah khas untuk usaha beliau dalam memacu

negara ke arah kecemerlangan dalam bidang pendidikan dan menjadi negara bertaraf dunia.

Ditubuhkan pada 1997, AUAM adalah sebuah pertubuhan yang menggalakkan interaksi di kalangan alumni Malaysia dari universiti-universiti Amerika.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650685>